



Menteri Kewangan Lim Guan Eng (tengah) menjawab pertanyaan media selepas majlis Penyerahan Cek Kepada Sekolah Tahfiz Yang Berdaftar di Kementerian Kewangan. Penyerahan cek tersebut diserahkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mujahid Yusof (kanan) dan disaksikan oleh Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik.

14 Februari 2019, PUTRAJAYA :Kementerian Kewangan buat pertama kalinya meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM25 juta kepada Kementerian Pendidikan untuk menaik taraf dan menyelenggara sekolah agama rakyat dan sekolah agama persendirian berdaftar.

Menteri Kewangan Lim Guan Eng berkata dana tambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan dalam Belanjawan 2019 untuk menaik taraf dan menyelenggara sekolah dan institusi pendidikan sebanyak RM677 juta, berbanding RM600 juta pada tahun sebelumnya.

"Kerajaan mengambil berat hal ehwal dan kebajikan pelajar, sekolah dan institusi pendidikan supaya kualiti pendidikan yang disampaikan mencapai tahap memuaskan.
